

**GARIS PANDUAN
SKIM PEMBANTU PENYELIDIK SISWAZAH
(GRADUATE RESEARCH ASSISTANT/GRA)**

1.0 PENGENALAN

Perkhidmatan Perlantikan Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) adalah dari kalangan pelajar Sarjana dan kedoktoran yang menjalankan kerja-kerja penyelidikan. Pelantikan ini dapat membantu penyelidik untuk terus giat meneruskan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan dalam masa yang sama, pelantikan ini juga dapat membantu pelajar membiayai sebahagian daripada perbelanjaan pengajiannya. Garis panduan ini telah dipinda dan ditambahbaik pada Mesyuarat Pengurusan Universiti Bil. 11/2015.

2.0 MENGGUNAKAN DANA UNIVERSITI PENYELIDIKAN (UP)

2.1 Syarat-syarat kelayakan permohonan

- a) Pelajar-pelajar siswazah yang mendaftar di UKM secara sepenuh masa dan menjalankan penyelidikan (tesis sahaja) atau kerja kursus dan tesis (penyelidikan 70%). Keperluan ini adalah selaras dengan hasrat KPT (MYRA II);
- b) Pelajar yang mengikuti Pengajian Siswazah di UKM dikehendaki menghasilkan penerbitan iaitu jurnal berindeks ISI/SCOPUS/ERA/Jurnal tersohor mengikut kesesuaian di Fakulti/Institut masing-masing (berkuatkuasa mulai semester I sesi 2014-2015);
- c) Pelajar Sarjana yang berada dalam tempoh tidak melebihi 5 semester pengajiannya;
- d) Pelajar kedoktoran yang berada dalam tempoh tidak melebihi 7 semester pengajiannya;
- e) Pelajar yang tidak menerima sebarang bantuan/biasiswa daripada mana-mana penaja (kecuali MyMaster, MyPhd P1 dan PTPTN);
- f) Pelajar tidak layak menerima sebarang ganjaran/lain-lain bayaran kecuali dibenarkan oleh Universiti;
- g) Pelajar yang mempunyai rekod penerbitan dalam tempoh pengajiannya.
- h) Penyelia mempunyai geran penyelidikan untuk membiayai pelantikan GRA;

- i) Penyelia yang mempunyai geran penyelidikan tetapi tidak mampu menampung pembiayaan GRA boleh dipertimbangkan untuk menggunakan Modal Insan Berpusat tertakluk kepada peruntukan kewangan semasa oleh Universiti;
- j) Penyelia yang mempunyai *track record* penerbitan yang terindeks (Scopus/ISI) tetapi tidak mempunyai geran penyelidikan boleh dipertimbangkan untuk menggunakan Modal Insan Berpusat tertakluk kepada peruntukan kewangan semasa oleh Universiti;

2.2 Elaun

- a) Calon dibayar elaun berdasarkan tahap pengajian iaitu seperti berikut:
 - i. Maksimum RM2,000 sebulan bagi pelajar yang sedang mengikuti pengajian Ijazah Doktor Falsafah;
 - ii. Maksimum RM1,800 sebulan bagi pelajar yang sedang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana.

2.3 Prosedur permohonan dan pelanjutan tempoh lantikan

- a) Penyelia/Ketua Projek perlu mengisi permohonan pelantikan baru dalam Sistem Permohonan GRA. Pelajar dikehendaki mengisi maklumat, menghantar permohonan untuk kelulusan Dekan dan menghantar maklumat yang diperlukan kepada CRIM. (Sila lihat seperti dalam carta alir permohonan baru dan pelanjutan tempoh lantikan);
- b) Penyelia/Ketua Projek yang memohon untuk melanjutkan tempoh pelantikan GRA dikehendaki mengisi maklumat melalui Sistem Permohonan GRA sebelum pelantikan tamat. (Sila lihat seperti dalam carta alir permohonan baru dan pelanjutan tempoh lantikan);
- c) Penyelia/Ketua Projek dikehendaki mengemukakan laporan kemajuan penyelidikan GRA untuk tujuan pelanjutan tempoh lantikan.

2.4 Syarat-syarat pelantikan

- a) Pelantikan GRA adalah maksimum satu semester dan pelantikan ini boleh dilanjutkan tertakluk kepada prestasi laporan kemajuan calon daripada Penyelia/Ketua Projek;
- b) Tempoh minimum pelantikan adalah 3 bulan dan tempoh ini boleh dilanjutkan tertakluk kepada prestasi kemajuan pelajar dan perakuan Penyelia/Ketua Projek;
- c) Tempoh maksimum pelantikan bagi pelajar Sarjana adalah 5 semester dan Doktor Falsafah adalah 7 Semester;

- d) Bagi pelajar Sarjana yang berada pada Semester 6 dan pelajar Doktor Falsafah yang berada pada Semester 8 boleh dipertimbangkan bagi pelantikan GRA dengan syarat pelajar tersebut telah menghasilkan penerbitan jurnal (Scopus/ISI). Sekiranya pelajar tersebut tidak menghasilkan sebarang penerbitan, pelantikan sebagai GRA boleh dilakukan dengan menggunakan Dana Luar tertakluk kepada perakuan Penyelia/Ketua Projek;
- e) Calon dikehendaki menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pengajian ijazah lanjutan dan kegiatan penyelidikan yang berhubung dengan program pengajian calon itu. Calon tidak dibenarkan sama sekali melakukan kegiatan-kegiatan lain yang boleh menjejaskan pelantikannya;
- f) Calon akan dibayar elaun yang akan ditetapkan oleh Universiti jika calon dikehendaki membuat kerja-kerja luar seperti kerja lapangan;
- g) Pemberian skim ini boleh ditamatkan sekiranya prestasi calon tidak menepati tahap yang dikehendaki;
- h) Calon adalah tertakluk kepada Peraturan dan Akta Universiti, Syarat-syarat Perkhidmatan dan peraturan-peraturan lain yang berkuatkuasa dari masa ke semasa di Universiti Kebangsaan Malaysia;
- i) Calon adalah bertanggungjawab kepada Ketua Jabatan/Ketua Program/ Penyelia dari masa ke masa.

2.5 Tarikh Kuat Kuasa

Garis panduan skim pembantu penyelidik siswazah berkuat kuasa mulai 1 Februari 2016.

3.0 MENGGUNAKAN DANA KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

3.1 Syarat-syarat kelayakan permohonan:

- a) Pelajar-pelajar siswazah warganegara Malaysia yang mendaftar di UKM secara sepenuh masa dan menjalankan penyelidikan (tesis); kerja kursus dan tesis; dan kerja kursus dan disertasi (pengecualian diberikan kepada pelajar-pelajar bukan warganegara yang cemerlang sahaja);
- b) Pelajar yang tidak menerima sebarang bayaran/bantuan/biasiswa daripada mana-mana penaja (kecuali MyMaster, MyPhd P1 dan PTPTN);
- c) Pelajar yang sedang bekerja di mana-mana jabatan/organisasi tidak layak dipertimbangkan;
- d) Pelajar tidak layak menerima sebarang ganjaran/lain-lain bayaran kecuali dibenarkan oleh Universiti;
- e) Penyelia mempunyai geran penyelidikan untuk membiayai pelantikan GRA;

3.2 Elaun

- a) Calon dibayar elaun berdasarkan tahap pengajian iaitu seperti berikut:
 - i. maksimum RM2,000 sebulan bagi pelajar yang sedang mengikuti pengajian Ijazah Doktor Falsafah;
 - ii. maksimum RM1,800 sebulan bagi pelajar yang sedang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana.
- b) Calon boleh dibayar elaun melebihi daripada kelayakan di atas sekiranya mendapat persetujuan daripada penyelia dan pemberi dana.

3.3 Prosedur permohonan dan pelanjutan tempoh lantikan:

- a) Penyelia/Ketua Projek perlu mengisi permohonan pelantikan baru dalam Sistem Permohonan GRA. Pelajar dikehendaki mengisi maklumat, menghantar permohonan untuk kelulusan Dekan dan menghantar maklumat yang diperlukan kepada CRIM;
- b) Penyelia/Ketua Projek yang memohon untuk melanjutkan tempoh pelantikan GRA dikehendaki mengisi maklumat melalui Sistem Permohonan GRA sebelum pelantikan tamat;
- c) Penyelia/Ketua Projek dikehendaki mengemukakan laporan kemajuan penyelidikan GRA untuk tujuan pelanjutan tempoh lantikan.

3.4 Syarat-syarat pelantikan

- a) Pelantikan GRA adalah maksimum satu semester dan pelantikan ini boleh dilanjutkan tertakluk kepada prestasi laporan kemajuan calon daripada Penyelia/Ketua Projek;
- b) Tempoh minimum pelantikan adalah 3 bulan dan tempoh ini boleh dilanjutkan tertakluk kepada prestasi kemajuan pelajar dan perakuan Penyelia/Ketua Projek;
- c) Tempoh maksimum pelantikan GRA adalah berdasarkan perakuan Penyelia/Ketua Projek. (Tertakluk kepada tempoh maksimum pengajian iaitu Sarjana 6 Semester dan Doktor Falsafah 12 Semester);
- d) Calon dikehendaki menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pengajian ijazah lanjutan dan kegiatan penyelidikan yang berhubung dengan program pengajian calon itu. Calon tidak dibenarkan sama sekali melakukan kegiatan-kegiatan lain yang boleh menjejaskan pelantikannya;
- e) Calon akan dibayar elaun yang akan ditetapkan oleh Universiti jika calon dikehendaki membuat kerja-kerja luar seperti kerja lapangan;
- f) Pemberian skim ini boleh ditamatkan sekiranya prestasi calon tidak menepati tahap yang dikehendaki;
- g) Calon adalah tertakluk kepada Peraturan dan Akta Universiti, Syarat-syarat Perkhidmatan dan peraturan-peraturan lain yang berkuatkuasa dari masa ke semasa di Universiti Kebangsaan Malaysia;
- h) Calon adalah bertanggungjawab kepada Ketua Jabatan/ Ketua Program/ Penyelia dari masa ke masa.

3.5 Tarikh Kuat Kuasa

Garis panduan skim pembantu penyelidik siswazah berkuat kuasa mulai 1 Februari 2016.

4.0 MENGGUNAKAN DANA LUAR

4.1 Syarat-syarat kelayakan permohonan:

- a) Pelajar-pelajar siswazah yang mendaftar di UKM secara sepenuh masa dan menjalankan penyelidikan (tesis); kerja kursus dan tesis; kerja kursus dan disertasi; dan kerja kursus sahaja;
- b) Pelajar yang tidak menerima sebarang bayaran/bantuan/biasiswa daripada mana-mana penaja (kecuali MyMaster, MyPhd P1 dan PTPTN);
- c) Pelajar yang sedang bekerja di mana-mana jabatan/organisasi tidak layak dipertimbangkan;
- d) Pelajar tidak layak menerima sebarang ganjaran/lain-lain bayaran kecuali dibenarkan oleh Universiti;
- e) Penyelia mempunyai geran penyelidikan untuk membiayai pelantikan GRA;

4.2 Elaun

- a) Calon dibayar elaun berdasarkan tahap pengajian iaitu seperti berikut:
 - i. maksimum RM2,000 sebulan bagi pelajar yang sedang mengikuti pengajian Ijazah Doktor Falsafah;
 - ii. maksimum RM1,800 sebulan bagi pelajar yang sedang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana.
- b) Calon boleh dibayar elaun melebihi daripada kelayakan di atas sekiranya mendapat persetujuan daripada penyelia dan pemberi dana.

4.3 Prosedur permohonan dan pelanjutan tempoh lantikan:

- a) Penyelia/Ketua Projek perlu mengisi permohonan pelantikan baru dalam Sistem Permohonan GRA. Pelajar dikehendaki mengisi maklumat, menghantar permohonan untuk kelulusan Dekan dan menghantar maklumat yang diperlukan kepada CRIM;
- b) Penyelia/Ketua Projek yang memohon untuk melanjutkan tempoh pelantikan GRA dikehendaki mengisi maklumat melalui Sistem Permohonan GRA sebelum pelantikan tamat;
- c) Penyelia/Ketua Projek dikehendaki mengemukakan laporan kemajuan penyelidikan GRA untuk tujuan pelanjutan tempoh lantikan.

4.4 Syarat-syarat pelantikan

- a) Pelantikan GRA adalah maksimum satu semester dan pelantikan ini boleh dilanjutkan tertakluk kepada prestasi laporan kemajuan calon daripada Penyelia/Ketua Projek;
- b) Tempoh minimum pelantikan adalah 3 bulan dan tempoh ini boleh dilanjutkan tertakluk kepada prestasi kemajuan pelajar dan perakuan Penyelia/Ketua Projek;
- c) Tempoh maksimum pelantikan GRA adalah berdasarkan perakuan Penyelia/Ketua Projek. (Tertakluk kepada tempoh maksimum pengajian iaitu Sarjana 6 Semester dan Doktor Falsafah 12 Semester);
- d) Calon dikehendaki menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pengajian ijazah lanjutan dan kegiatan penyelidikan yang berhubung dengan program pengajian calon itu. Calon tidak dibenarkan sama sekali melakukan kegiatan-kegiatan lain yang boleh menjejaskan pelantikannya;
- e) Calon akan dibayar elaun yang akan ditetapkan oleh Universiti jika calon dikehendaki membuat kerja-kerja luar seperti kerja lapangan;
- f) Pemberian skim ini boleh ditamatkan sekiranya prestasi calon tidak menepati tahap yang dikehendaki;
- g) Calon adalah tertakluk kepada Peraturan dan Akta Universiti, Syarat-syarat Perkhidmatan dan peraturan-peraturan lain yang berkuatkuasa dari masa ke semasa di Universiti Kebangsaan Malaysia;
- h) Calon adalah bertanggungjawab kepada Ketua Jabatan/ Ketua Program/ Penyelia dari masa ke masa.

4.5 Tarikh Kuat Kuasa

Garis panduan skim pembantu penyelidik siswazah berkuat kuasa mulai 1 Februari 2016.